



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KKR TINJAU PROJEK INFRASTRUKTUR DI MANJUNG, PASTIKAN MANFAAT KEPADA RAKYAT TERUS DIPERKASA

MANJUNG, PERAK – Timbalan Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Datuk Seri Dr Ahmad Maslan, telah turun padang bersama pegawai Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Daerah Manjung bagi meninjau pelaksanaan projek pembangunan serta menilai penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

2. Lawatan ini selaras komitmen Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan jalan, jambatan, bangunan awam dan fasiliti pendidikan dilaksanakan dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat.

3. JKR Daerah Manjung memaklumkan penyelenggaraan meliputi Jalan Persekutuan sepanjang 168.837 km dan Jalan Negeri 174.06 km merangkumi kerja rutin, berkala, turapan dan bukan turapan, saliran, pembentung serta cerun.

4. Sehingga Julai 2026, sebanyak RM8.14 juta diperuntukkan bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan termasuk pembaikan jalan, sistem perparitan, mengecat semula garisan jalan serta membaik pulih jambatan.

5. Dalam masa sama, satu Projek Jambatan Persekutuan iaitu Projek Menggantikan Jambatan FT71/17/300 bernilai RM8.04 juta sedang dilaksanakan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan dua (2) Projek di dalam RMKe-13 Rolling Plan 1 iaitu Projek Menggantikan Jambatan FT60/42/50, Sungai Beruas bernilai RM32.2 juta dan juga Projek Menaiktaraf Lebuhraya Tanjung Malim - Lumut bernilai RM5 Juta bagi kerja awalan.

6. Sebanyak lapan Projek Bangunan Persekutuan bernilai RM32.3 juta turut dilaksanakan melibatkan Pembinaan Baharu Blok Tambahan di SMK Seri Manjung, Pembinaan Blok Tambahan Program Pendidikan Khas (PPKI) di SMK Ambrose, Pembinaan Blok Baharu Pra-Sekolah SMK Seri Samudera, Dewan Serbaguna Terbuka Berbumbung (DSTB) SMK Batu 10 Lekir serta Naiktaraf Balai Bomba dan Penyelamat Pantai Remis.

7. Projek Bangunan Persekutuan yang sedang dilaksanakan oleh JKR Daerah Manjung juga termasuk Pembinaan Bilik Darjah Tambahan Tahun 1 Sesi 2027 di bawah program Cakna Madani melibatkan pembinaan 6 Bilik Darjah Tambahan di SK Seri Manjung, 6 Bilik Darjah Tambahan di SK Seri Samudera dan 3 Bilik Darjah Tambahan di SK Nakhoda Muhammad Taib.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur

f @ X KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

8. Sebanyak RM1.2 juta turut diperuntukkan bagi dua Projek Penyelenggaraan Bangunan Persekutuan iaitu Penyelenggaraan dan Naiktaraf Pejabat Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Jabatan Peguam Negara dan Projek Naiktaraf Apron dan Pembaikan Longkang Akibat Mendapan Tanah di Hospital Sri Manjung.

9. KKR kekal komited memastikan semua projek dilaksanakan mengikut jadual, mematuhi piawaian keselamatan dan kualiti, serta memberi impak langsung kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan ekonomi setempat.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
3 OGOS 2026

#KKR
#KearahKesejahteraanRakyat
#KerajaanMADANI
#MADANIBekerja
#KerajaanMADANIrakyatdisantuni